

# MIC tidak bincang masalah ekonomi kaum India secara terbuka

SUNGAI BULOH 17 Okt. - Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini menegaskan, parti itu tidak akan membincangkan masalah ekonomi kaum India di negara ini secara terbuka.

Samy Vellu sebaliknya berkata, beliau hanya akan membincangkan perkara itu bersama-sama dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri-menteri lain.

Kata beliau, sebarang perkara yang ditimbulkan berhubung masalah sesuatu kaum itu sewajarnya dibincang secara tertutup.

"Apa-apa masalah berhubung ekonomi masyarakat India, saya akan terus berbincang bersama Perdana Menteri dan menteri-menteri lain.

"MIC tidak akan membincangkan perkara ini secara terbuka. Itu polisi saya. Kita mempunyai forum yang sesuai untuk membincangkan perkara ini di mana Perdana Menteri kita sentiasa bersedia mendengar masalah kaum lain," katanya.

"Begitu juga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ada berkata bahawa kerajaan sentiasa telus dalam menangani hal ini," katanya.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan kempen keselamatan jalan raya menjelang musim perayaan peringkat kementeriannya di sini hari ini.